

MAHATHIR

1977

ALOR SETAR, 11 FEB. (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MENGUATKAN LAGI PERPADUAN PARTI DAN RAKYAT UNTUK MENJAMIN UMNO TERUS KUAT DAN BERKUASA DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING ITU MEREKA PERLU BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI MEMBANTU ORANGRAMAI TANPA MENGIRA FAHAMAN POLITIK ATAU KAUM DALAM SEMUA BIDANG.

SIKAP TAMAK DAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI HENDAKLAH DIKIKIS SAMASEKALI KERANA IA HANYA MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KEJUJURAN UMNO MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MEREKA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KURSUS POLITIK PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI KAMPUNG BUKIT 25 BARU UTARA BANDAR INI.

DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN UMNO MERUPAKAN SEBUAH PERTUBUHAN POLITIK MELAYU TETAPI PARTI ITU TELAH MENDAPAT SOKONGAN SEMUA KAUM KERANA UMNO TELAH MEMBAWA KEBAHAGIAN, KEMAKMURAN, KEMAJUAN KEPADA SELURUH RAKYAT. --BERSAMBUNG 1515/BY

EE

B554

MAHATHIR 2 ALOR STAR

MENURUT DR. MAHATHIR UMNO JUGA TIDAK BERSIKAP TAMAK DAN SENTIASA MEMBERI PELUANG KEPADA PARTI-PARTI LAIN DALAM PEMERINTAHAN NEGARA INI.

WALHAL UMNO BOLEH TERUS MEMEGANG KUASA SETELAH MEMENANGI PILIHANRAYA PERTAMA DALAM TAHUN 1955.

UMNO BOLEH MENGIKTIHARKAN KEADAAN DARURAT DAN MENGHAPUSKAN PILIHANRAYA-PILIHANRAYA PADA MASA ITU.

TETAPI UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK YANG BERCORAK NASIONAL SENTIASA BERLAKU ADIL DAN MEMERINTAH SECARA DEMOKRATIK.

SETERUSNYA, DR. MAHATHIR MENGGESA PEMIMPIN-PEMIMPIN +TUA+ UMNO SUPAYA MEMAINKAN TANGGONGJAWAB PENTING BAGI MELATIH PEMIMPIN-PEMIMPIN MUDA MENGANTIKAN TEMPAT MEREKA SUPAYA UMNO TERUS KUAT, KUKUH DAN MENCAPAI KEJAYAAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG.

PUCUK PIMPINAN UMNO HENDAKLAH BERTERUSAN SUPAYA IA DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN DALAM PEMBANGUNAN, KEMAJUAN DAN KESELAMATAN NEGARA. --BERNAMA 1519/BY